

SIARAN MEDIA**PHARMANIAGA SERAH RM3.5 JUTA ZAKAT PERNIAGAAN
KEPADA LEMBAGA ZAKAT SELANGOR**

SHAH ALAM, 22 NOVEMBER 2021 – Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga) hari ini menyerahkan zakat perniagaan sebanyak RM3.5 juta kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Serahan tersebut disempurnakan oleh Pengerusi Pharmaniaga Dato' Sri Mohammed Shazalli Ramly kepada DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj, di Istana Alam Shah, Klang. Penyerahan zakat perniagaan ini turut disaksikan oleh Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan Pharmaniaga Mohamed Iqbal Abdul Rahman.

Bagi tempoh 9 bulan pertama tahun ini, Syarikat telah memperuntukkan sebanyak RM11.8 juta bagi serahan zakat kepada institusi-institusi zakat dan juga golongan asnaf di seluruh negara. Jumlah serahan zakat kepada Lembaga Zakat Selangor adalah yang terbesar.

Serahan zakat ini adalah komitmen Pharmaniaga untuk melunaskan tanggungjawab agar ia dapat digunakan untuk membantu golongan-golongan yang layak, terjejas teruk akibat pandemik COVID-19.

Selain daripada zakat, Pharmaniaga telah menyumbang sebanyak RM6 juta kepada Kerajaan dan juga golongan kurang bernasib baik serta menyokong petugas barisan hadapan sepanjang pandemik COVID-19.

Pengerusi Pharmaniaga Dato' Sri Mohammed Shazalli Ramly berkata, Syarikat komited untuk membantu Kerajaan memerangi pandemik dan membantu Keluarga Malaysia mengharungi cabaran sosial dan ekonomi di fasa pemulihan ini.

“Ini adalah sebahagian daripada komitmen kami kepada inisiatif Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) untuk menghapuskan kemiskinan, kelaparan dan meningkatkan tahap kesihatan serta kualiti kehidupan masyarakat.

“Bagi tujuan itu, Syarikat telah memperuntukkan sejumlah besar daripada keuntungan perniagaan bagi menunaikan kewajipan zakat dan juga menyokong pelbagai aktiviti kebajikan mampan yang lain demi memastikan golongan kurang bernasib baik ini tidak ketinggalan ketika keadaan ekonomi negara sedang beransur pulih.

“Operasi Pharmaniaga adalah berteraskan kepada nilai dan tanggungjawab kepada ajaran Islam dan juga standard ESG yang akan memastikan kelestarian perniagaan,” katanya.

UNTUK SIARAN SEGERA

SIARAN MEDIA

Pharmaniaga adalah sayap perniagaan farmaseutikal untuk Kumpulan Boustead Holdings Berhad dan bersama-sama LTAT, merupakan pemegang-pemegang saham utama Syarikat.

-TAMAT-

MENGENAI PHARMANIAGA BERHAD

Pharmaniaga Berhad adalah ahli Kumpulan Boustead dan merupakan sebuah syarikat perkhidmatan kesihatan bersepadu yang terbesar di Malaysia. Tersenarai di Bursa Malaysia, teras perniagaan Kumpulan Pharmaniaga adalah logistik dan pengedaran produk farmaseutikal; pembuatan produk farmaseutikal generik dan peranti perubatan; pemasaran dan jualan; penyelidikan dan pembangunan; pembekal dan pemasangan peralatan perubatan, serta farmasi komuniti. Dengan kekuatan dan kepakaran merentasi rangkaian perkhidmatan kesihatan, operasi perniagaan Kumpulan Pharmaniaga berkembang teguh di Malaysia dan meluaskan pasaran dengan membina tapak di Indonesia dan Vietnam, sekaligus mengukuhkan kedudukan syarikat sebagai peneraju serantau dalam arena farmaseutikal antarabangsa.

Dikeluarkan untuk Kumpulan Pharmaniaga oleh Jabatan Komunikasi Korporat, Pharmaniaga Berhad. Untuk sebarang pertanyaan, hubungi Dato' Zuhri Iskandar Kamarzaman di talian 03 3342 9999 sambungan 434 atau melalui emel zuhri@pharmaniaga.com